

# SPIOLTO RESPIMAT

## INHALATION SOLUTION

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Tiotropium/olodaterol (2.5 mikrogram/ 2.5 mikrogram setiap sedutan)

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *SPIOLTO RESPIMAT*
2. Bagaimana *SPIOLTO RESPIMAT* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*
4. Cara menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*
5. Semasa menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *SPIOLTO RESPIMAT*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

### Apakah kegunaan *SPIOLTO RESPIMAT*

*SPIOLTO RESPIMAT* membantu orang yang mempunyai penyakit penghalang pulmonari kronik (COPD) atau asma untuk bernafas dengan lebih mudah. COPD ialah sejenis penyakit paru-paru jangka panjang yang menyebabkan sesak nafas dan batuk. Istilah COPD dikaitkan dengan radang membran mukus dalam saluran pernafasan dan keadaan di mana pundi udara dalam paru-paru rosak dan mengembang, menyebabkan sesak nafas.

### Bagaimana *SPIOLTO RESPIMAT* berfungsi

*SPIOLTO RESPIMAT* membantu membuka saluran pernafasan anda dan memudahkan udara masuk dan keluar dari paru-paru. Penggunaan *SPIOLTO RESPIMAT* yang tetap juga boleh membantu anda apabila anda mengalami sesak nafas berterusan yang berkaitan dengan penyakit anda, dan akan membantu mengurangkan kesan penyakit dalam kehidupan seharian anda. Oleh kerana COPD adalah penyakit jangka panjang, anda harus mengambil *SPIOLTO RESPIMAT* setiap hari dan bukan sahaja apabila anda mengalami masalah pernafasan atau simptom COPD yang lain.

### Sebelum menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*

- jika anda mempunyai alahan kepada tiotropium, olodaterol atau bahan-bahan tidak aktif yang disenaraikan di bahagian Maklumat lanjut
- jika anda mempunyai alahan kepada atropin atau bahan-bahan berkaitan dengannya, contohnya *ipratropium* atau *oxitropium*

*SPIOLTO RESPIMAT* tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak atau remaja (bawah umur 18 tahun).

Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung, minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini. Anda tidak boleh menggunakan ubat ini melainkan disyorkan secara khusus oleh doktor anda.

Ubat ini mengandungi 0.0011 mg *benzalkonium chloride* dalam setiap aktuasi.

*Benzalkonium chloride* boleh menyebabkan sempit dan kesukaran bernafas (*bronchospasm*), terutamanya jika anda mempunyai asma.

### - Sebelum mula menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*

Sebelum menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT*, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- jika anda mempunyai asma (anda tidak boleh menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT* untuk rawatan asma).
- jika anda mempunyai penyakit jantung.
- jika anda mempunyai tekanan darah tinggi.
- jika anda mempunyai epilepsi.
- jika anda mempunyai masalah kelenjar tiroid yang dipanggil *thyrotoxicosis*.
- jika anda mengalami masalah pembesaran arteri yang tidak normal yang dipanggil aneurisme.
- jika anda menghidap penyakit kencing manis.
- jika anda mempunyai penyakit hepatic (hati) yang teruk.

- jika anda mempunyai penyakit buah pinggang.
- jika anda akan menjalani pembedahan yang dirancang.
- jika anda mempunyai masalah mata dipanggil glaukoma penutupan sudut (*narrow-angle glaucoma*).
- jika anda mengalami masalah prostat atau kesukaran membuang air kencing.

### - Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil, atau baru-baru ini mengambil ubat-ubatan lain.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang menggunakan:

- sebarang ubat yang serupa dengan *SPIOLTO RESPIMAT* (iaitu mengandungi bahan aktif yang serupa, contohnya ubat *anticholinergic* atau *β-adrenergic agents*). Anda mungkin lebih berkemungkinan mengalami kesan sampingan.
- ubat yang dipanggil *beta blocker* yang digunakan untuk tekanan darah tinggi atau masalah jantung lain (contohnya *propranolol*), atau untuk masalah mata yang dipanggil glaukoma (contohnya *timolol*). Ini boleh mengakibatkan kehilangan kesan *SPIOLTO RESPIMAT*.
- ubat-ubatan yang mengurangkan paras kalium dalam darah anda, termasuk:
  - steroid (contohnya *prednisolone*),
  - diuretik,
  - ubat untuk masalah pernafasan, contohnya *theophylline*.

Jika anda menggunakan ubat-ubatan ini bersama-sama dengan *SPIOLTO RESPIMAT* anda mungkin mengalami gejala kekejangan otot, kelemahan otot atau irama jantung yang tidak normal.

- ubat yang dipanggil *tricyclic antidepressants* atau *monoamine oxidase (MAO) inhibitors* (contohnya *selegiline* atau *moclobemide*), yang digunakan untuk merawat gangguan neurologi atau psikiatri seperti penyakit Parkinson atau kemurungan;

penggunaan ubat-ubatan ini akan meningkatkan kemungkinan anda mengalami kesan sampingan yang menjejaskan jantung anda.

### Cara menggunakan **SPIOLTO RESPIMAT**

**SPIOLTO RESPIMAT** adalah untuk kegunaan sedutan sahaja.

Pastikan anda tahu cara yang betul untuk menggunakan **SPIOLTO RESPIMAT**. Arahan untuk penggunaan **SPIOLTO RESPIMAT** disediakan di bahagian risalah yang lain.

#### - Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan ialah:

Ambil DUA sedutan setiap kali anda menggunakannya.

#### - Bila perlu digunakan

**SPIOLTO RESPIMAT** berkesan selama 24 jam, jadi anda perlu guna **SPIOLTO RESPIMAT** hanya SEKALI SEHARI, kalau boleh dalam masa yang sama setiap hari.

#### - Berapa lama perlu digunakan

COPD adalah penyakit jangka panjang. Oleh yang demikian, anda perlu mengambil **SPIOLTO RESPIMAT** setiap hari dan bukan hanya apabila anda mengalami masalah pernafasan. Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.

Sebelum anda berhenti mengambil **SPIOLTO RESPIMAT**, anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda berhenti mengambil **SPIOLTO RESPIMAT**, tanda-tanda dan gejala COPD mungkin akan menjadi lebih teruk.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menyedut dos harian anda, sedut hanya satu dos pada waktu biasa pada hari berikutnya.

#### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin berisiko tinggi untuk mengalami kesan sampingan seperti mulut kering, sembelit, kesukaran membuang air kecil, penglihatan kabur, sakit dada, tekanan darah tinggi atau rendah, degupan jantung yang lebih cepat atau tidak teratur, pening, gementar, kesukaran tidur, keresahan, sakit kepala, menggigil, kekejangan otot, loya, keletihan, kelesuan, tahap kalium yang rendah dalam darah (yang boleh menyebabkan gejala kekejangan otot, kelemahan otot atau irama jantung yang tidak normal), gula darah tinggi, atau kelebihan asid dalam darah (yang boleh menyebabkan gejala loya, muntah, lemah, kekejangan otot dan pernafasan yang lebih cepat).

### Semasa menggunakan **SPIOLTO RESPIMAT**

#### - Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

**SPIOLTO RESPIMAT** adalah sebagai rawatan tetap untuk COPD atau asma. Jangan gunakan ubat ini untuk rawatan serangan mendadak sesak nafas atau seputut.

Jangan menggunakan **SPIOLTO RESPIMAT** lebih kerap daripada satu kali sehari.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhenti menggunakan ubat ini dan beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami sesak dada, batuk, semput atau sesak nafas sejurus penggunaan ubat ini. Gejala-gejala ini mungkin adalah tanda-tanda kondisi yang dipanggil *bronchospasm*.

- Jika anda rasa pernafasan anda menjadi semakin teruk atau mengalami ruam, bengkak atau gatal sejurus menggunakan alat sedut anda berhenti menggunakannya dan laporkan kepada doktor anda secepat yang mungkin.

- Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang menjejaskan jantung anda (peningkatan kadar nadi, peningkatan tekanan darah dan/atau

simptom seperti sakit dada), beritahu doktor anda dengan segera.

- Jika anda mengalami kekejangan otot, kelemahan otot atau irama jantung yang tidak normal, dapatkan nasihat doktor anda kerana gejala-gejala ini mungkin berkaitan dengan tahap kalium yang rendah dalam darah.

Semasa menggunakan **SPIOLTO RESPIMAT**, sila berhati-hati agar tidak membiarkan semburan memasuki mata anda. Jika ini berlaku, ini akan menyebabkan sakit mata atau ketidakselesaan, penglihatan kabur, melihat halos di sekeliling cahaya atau imej berwarna berserta mata merah (iaitu glaukoma penutupan sudut). Gejala-gejala ini boleh disertai dengan sakit kepala, rasa loya atau muntah. Justeru, anda hendaklah mencuci mata anda dengan air suam dengan segera. Kemudian rujuk kepada doktor anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat lanjut.

Jangan gunakan **SPIOLTO RESPIMAT** bersama dengan ubat yang mengandungi *long-acting  $\beta$ -adrenergic agonists*, seperti *salmeterol* atau *formoterol*.

Jika anda kerap mengambil ubat yang dipanggil *short-acting  $\beta$ -adrenergic agonists*, seperti *salbutamol*, teruskan penggunaannya hanya untuk melegakan simptom akut seperti sesak nafas.

Mulut yang kering yang diperhatikan dengan rawatan *anti-cholinergic* boleh dikaitkan dengan karies gigi dalam jangka panjang. Oleh itu, berikan perhatian kepada kebersihan oral.

Tiada kajian tentang kesan ubat ini terhadap keupayaan memandu atau mengendalikan jentera telah dilakukan. Jika anda berasa pening atau jika penglihatan kabur berlaku semasa mengambil **SPIOLTO RESPIMAT**, jangan memandu atau mengendalikan sebarang jentera.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, **SPIOLTO RESPIMAT** boleh menyebabkan kesan

sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jika mana-mana yang berikut berlaku, sila hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan nasihat doktor anda dengan segera.

- Reaksi alahan segera kepada *SPIOLTO RESPIMAT* jarang berlaku (ia boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 1,000 orang). Tindak balas ini mungkin berlaku secara berasingan atau sebagai sebahagian daripada tindak balas alahan yang teruk (*anaphylactic reaction*) selepas penggunaan *SPIOLTO RESPIMAT*. Ini termasuk ruam, urtikaria, bengkak mulut dan muka, kesukaran bernafas secara tiba-tiba (*angioneurotic oedema*) atau tindak balas hipersensitiviti lain (seperti penurunan tekanan darah yang mendadak atau pening kepala).
- Seperti semua ubat sedutan, sesak dada, yang dikaitkan dengan batuk, semput atau sesak nafas mungkin berlaku serta-merta selepas penyedutan (*paradoxical bronchospasm*). Kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia.
- melihat lingkaran cahaya di sekeliling lampu atau imej berwarna yang dikaitkan dengan mata merah (*glaucoma*). Kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia.
- penyumbatan usus atau ketiadaan pergerakan usus (halangan usus, termasuk *ileus paralytic*). Kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia.

Kesan sampingan lain yang mungkin:

**Tidak biasa (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang)**

- degupan jantung lebih cepat (*tachycardia*)
- pening
- sakit kepala
- batuk
- mulut kering

**Jarang (boleh menjejaskan sehingga 1 dalam 1,000 orang)**

- serak (*dysphonia*)
- degupan jantung tidak teratur (*atrial fibrillation*)

- degupan jantung yang cepat (*supraventricular tachycardia*)
- perasaan degupan jantung yang berdebar-debar
- tekanan darah tinggi (hipertensi)
- kesukaran membuang air kecil (retensi air kencing)
- sakit kencing (*dysuria*)
- sakit tekak (*pharyngitis*)
- keradangan laring (*laryngitis*)
- keradangan gusi (*gingivitis*)
- keradangan mulut (*stomatitis*)
- jangkitan kulat pada mulut dan tekak (*oropharyngeal candidiasis*)
- pendarahan hidung (*epistaxis*)
- kesukaran tidur (*insomnia*)
- penglihatan kabur
- sesak dada, dikaitkan dengan batuk, semput atau sesak nafas serta-merta selepas penggunaan *SPIOLTO RESPIMAT* (*bronchospasm*)
- sembelit
- berasa sakit (loya)
- gatal-gatal (*pruritus*)
- sakit sendi (*arthralgia*)
- bengkak sendi
- sakit belakang

**Tidak diketahui (kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia)**

- jangkitan saluran kencing
- peningkatan tekanan mata
- keradangan nasofaring (*nasopharyngitis*)
- keradangan sinus (*sinusitis*)
- kesukaran menelan (*dysphagia*)
- keradangan lidah (*glossitis*)
- *heartburn* (penyakit *gastroesophageal reflux*)
- karies gigi
- jangkitan atau ulser pada kulit
- kulit kering
- dehidrasi

Anda juga mungkin mengalami kesan sampingan yang berlaku dengan ubat-ubatan tertentu untuk masalah pernafasan yang serupa dengan *SPIOLTO RESPIMAT* (*beta-adrenergic agents*). Kesan-kesan sampingan ini termasuk degupan jantung yang tidak teratur, sakit dada, tekanan darah rendah, mengigil, gugup, kekejangan otot, keletihan, rasa tidak sihat, paras kalium yang rendah dalam darah (yang boleh menyebabkan

gejala kekejangan otot, kelemahan otot atau irama jantung yang tidak normal), paras gula dalam darah yang tinggi, atau terlalu banyak asid dalam darah anda (yang mungkin menyebabkan gejala loya, muntah, lemah, kekejangan otot dan pernafasan yang lebih cepat).

Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [*Consumers → Reporting side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan *SPIOLTO RESPIMAT***

**- Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan pada atau di bawah 30°C. Jangan membeku.

Tukar kartrij selewat-lewatnya tiga bulan selepas penggunaan.

Penggunaan yang disyorkan: 6 kartrij untuk satu alat sedut

Nota: Fungsi alat sedut *Respimat* telah ditunjukkan dalam ujian untuk penggunaan 540 aktuasi (sepadan dengan 9 kartrij).

**- Pelupusan**

Jangan menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT* selepas tarikh luput yang tertera pada karton dan label alat sedut *Respimat*. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

*SPIOLTO RESPIMAT* terdiri daripada satu kartrij dengan larutan untuk sedutan dan satu alat sedut *Respimat*. Kartrij

mesti dimasukkan ke dalam penyedut sebelum kali pertama menggunakannya.

Pek tunggal: 1 alat sedut Respimat dan 1 kartrij, disertai 60 sedutan (30 dos ubatan)

Pek isi semula tunggal: 1 kartrij, disertai 60 sedutan (30 dos ubatan)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif ialah *tiotropium* dan *olodaterol*. Dos yang disampaikan adalah 2.5 mikrogram *tiotropium* (sebagai *bromide monohydrate*) dan 2.5 mikrogram *olodaterol* (sebagai *hydrochloride*) setiap sedutan. Dos yang disampaikan ialah dos yang tersedia untuk anda selepas ubat disembur dari pelepasan mulut.

- Bahan tidak aktif

*Benzalkonium chloride*

*Disodium edetate*

Air purifikasi

Hydroklorik asid untuk penyesuaian pH

- Nombor MAL:

MAL17075001AZ

**Pengilang**

Boehringer Ingelheim Pharma GmbH & Co. KG

Binger Strasse 173

55216 Ingelheim am Rhein

Germany

untuk

Boehringer Ingelheim International GmbH

Ingelheim am Rhein

Germany

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Boehringer Ingelheim (Malaysia) Sdn. Bhd.

Level 23A, Mercu Aspire,  
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

23/05/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R1/2) 14062024/116

Internal reference only

This PIL is drafted based on the SPIOLTO RESPIMAT MY Proposed PI dated 19-Jun-24.

**SPIOLTO RESPIMAT re-usable**

**Arahan penggunaan**

Baca arahan penggunaan ini sebelum anda mula menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT re-usable*.

Anda perlu menggunakan alat sedut ini hanya SEKALI SEHARI.

Ambil DUA SEDUTAN setiap kali anda menggunakannya.



Jika alat sedut tidak digunakan lebih daripada 7 hari, lepaskan satu semburan ke arah lantai.

Jika alat sedutan tidak digunakan lebih daripada 21 hari, ulangi langkah 4 hingga 6 sehingga semburan boleh dilihat. Kemudian, ulangi langkah 4-6 tiga kali lagi.

**Cara penjagaan SPIOLTO RESPIMAT re-usable anda**

Cuci pelepasan mulut termasuk bahagian berlogam di dalam pelepasan mulut menggunakan kain lembap atau tisu sahaja, sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Sebarang perubahan warna kecil di dalam pelepasan mulut tidak akan menjejaskan prestasi alat sedut *SPIOLTO RESPIMAT* anda.

Jika perlu, lap bahagian luar alat sedut *SPIOLTO RESPIMAT re-usable* anda dengan kain lembap.

Jika perlu, lapkan bahagian luar alat sedut *SPIOLTO RESPIMAT* anda dengan kain lembap.

**Bilakah anda perlu menggantikan alat sedut**

Apabila anda telah menggunakan alat sedut dengan 6 kartrij, dapatkan pek *SPIOLTO RESPIMAT re-usable* baharu

yang termasuk alat sedut. Jangan menggunakan alat sedut lebih daripada satu tahun, selepas kartrij pertama telah dimasukkan.



**Persediaan untuk penggunaan kali pertama**



**1. Keluarkan tapak jelas**

Pastikan penutup hijau tertutup.

Tekan pengancing keselamatan sambil menarik keluar tapak jelas dengan sebelah tangan lain.



**2. Memasukkan kartrij**

Masukkan kartrij ke dalam alat sedut.

Letakkan alat sedut di atas permukaan yang kukuh dan menolak kartrij ke dalam alat sedut sehingga ia klik masuk ke dalam alat sedut.



**3. Jejaki kartrij dan pasang semula tapak jelas**

Tandakan kotak semak pada label alat sedut untuk menjejaki bilangan kartrij.

Pasangkan tapak jelas semula ke dalam alat sedut sehingga ia klik.



#### 4. Putar

Pastikan penutup hijau ditutup. Putar tapak jelas mengikut arah anak panah di atas label sehingga ia klik (separuh pusingan).



#### 5. Buka

Buka penutup hijau sehingga ia terbuka sepenuhnya.



#### 6. Tekan

Halakan alat sedut ke arah lantai. Tekan butang pelepasan dos. Tutup penutup hijau. Ulangi langkah 4-6 sehingga semburan boleh dilihat.

**Selepas semburan boleh dilihat, ulangi langkah 4-6 tiga kali lagi.** Alat sedut anda kini sedia untuk digunakan dan akan melepaskan 60 sedutan (30 dos ubatan).

#### Cara penggunaan harian



#### PUTAR

Pastikan penutup hijau tertutup. **PUTAR** tapak jelas mengikut arah anak panah di atas label sehingga ia klik (separuh pusingan).



#### BUKA

**BUKA** penutup hijau sehingga ia terbuka sepenuhnya.



#### TEKAN

Hembus nafas perlahan-lahan dan sepenuhnya. Tutup bibir anda di sekitar pelekap mulut tanpa menutupi lubang udara. Halakan alat sedut anda ke bahagian belakang tekak anda. Sambil menarik nafas secara perlahan-lahan melalui mulut anda, **TEKAN** butang pelepasan dos dan terus menarik nafas.

Tahan nafas anda selama 10 saat atau selagi anda boleh.

Ulangi langkah **PUTAR**, **BUKA**, **TEKAN** untuk 2 sedutan.

Tutup penutup hijau sehingga anda perlu menggunakan alat sedut anda lagi.

#### Bila perlu menggantikan Katrij SPIOLTO RESPIMAT

Petunjuk dos akan menunjukkan bilangan sedutan yang tertinggal di dalam katrij.



Tinggal 60 sedutan



Kurang daripada 10 sedutan lagi. Dapatkan katrij baharu.



Katrij anda sudah habis. Putar tapak jelas untuk melonggarkannya. Alat sedut anda telah dikunci. Tarik keluar katrij daripada alat sedut. Masukkan katrij baharu sehingga ia klik (rujuk langkah 2 di bahagian 'Persediaan untuk penggunaan kali pertama'). Katrij baharu akan kelihatan terkeluar lebih sikit daripada katrij pertama (teruskan dengan langkah 3 di bahagian 'Persediaan untuk penggunaan kali pertama').

Ingat untuk meletakkan tapak jelas kembali kepada alat sedut untuk membuka kunci alat sedut.

#### Soalan dan Jawapan Lazim

1. Ia sukar untuk memasukkan katrij ke dalam alat sedut.
- **Adakah anda secara tidak sengaja memutar tapak jelas sebelum memasukkan katrij?** Buka penutup hijau, tekan butang

pelepasan dos, kemudian masukkan kartrij.

- **Adakah anda sedang menggantikan kartrij?** Kartrij baharu akan kelihatan terkeluar lebih sedikit daripada kartrij pertama. Masukkan ia sehingga ia klik, kemudian letakkan tapak jelas kembali kepada alat sedut.
2. Saya tidak boleh menekan butang pelepasan dos.
    - **Adakah anda sudah letakkan tapak jelas kembali kepada alat sedut?** Jika tidak, letakkan tapak jelas kembali untuk membuka kunci alat sedut. Alat sedut hanya boleh berfungsi apabila tapak jelas diletakkan semula kepada alat sedut.
    - **Adakah anda sudah putarkan tapak jelas?** Jika tidak, putarkan tapak jelas secara berterusan sehingga ia klik (separuh pusingan).
    - **Adakah petunjuk dos pada kartrij anda menunjukkan anak panah putih atas latar belakang yang merah?** Kartrij anda sudah habis. Masukkan kartrij baharu.
  3. Ia sukar untuk mengeluarkan kartrij selepas ia habis.  
Tarik dan putar kartrij pada masa yang sama.
  4. Saya tidak boleh memutar atau menggantikan tapak jelas.
    - **Adakah tapak jelas longgar dan adakah petunjuk dos pada kartrij anda menunjukkan anak panah putih pada latar belakang merah?** Kartrij anda sudah habis. Masukkan kartrij baharu.
    - **Adakah anda sudah putarkan tapak jelas?** Jika tapak jelas telah diputar, ikuti langkah "BUKA" dan "TEKAN" di bahagian "Cara penggunaan harian" untuk mendapatkan ubat anda.
  5. *RESPIMAT re-usable* saya habis terlalu cepat.
    - **Adakah anda menggunakan *SPIOLTO RESPIMAT* seperti yang dinyatakan (dua sedutan/sekali sehari)?** *SPIOLTO RESPIMAT* adalah mencukupi untuk 30 hari jika digunakan dua sedutan sekali sehari.
    - **Adakah anda kerap melepaskan semburan untuk memeriksa sama**

**ada *SPIOLTO RESPIMAT* berfungsi?** Sebaik sahaja anda telah menyediakan *SPIOLTO RESPIMAT*, anda tidak perlu membuat ujian semburan jika digunakan setiap hari.

- **Adakah anda kerap menanggalkan dan memasukkan tapak jelas ke dalam alat sedut?** Jangan keluarkan tapak jelas sebelum kartrij dihabiskan. Setiap kali anda menanggalkan tapak jelas tanpa pertukaran kartrij, kaunter dos akan kira sebagai satu sedutan dan bilangan dos akan dikurangkan.
6. *RESPIMAT re-usable* saya tidak melepaskan semburan.
    - **Adakah anda telah masukkan kartrij?** Jika tidak, masukkan kartrij. Setelah *RESPIMAT re-usable* anda dipasang, jangan keluarkan tapak jelas atau kartrij sehingga kartrij dihabiskan.
    - **Adakah anda ulangi Putar, Buka, Tekan kurang daripada tiga kali selepas memasukkan kartrij?** Ulang Putar, Buka, Tekan tiga kali selepas memasukkan kartrij seperti yang ditunjukkan dalam langkah 4 hingga 6 di bahagian "Persediaan untuk penggunaan kali pertama".
    - **Adakah tapak jelas longgar dan adakah petunjuk dos pada kartrij anda menunjukkan anak panah putih pada latar belakang merah?** Kartrij anda sudah habis. Masukkan kartrij baharu.
  7. *RESPIMAT re-usable* saya sembur secara automatik.
    - **Adakah penutup hijau terbuka apabila anda putar tapak jelas?** Tutup penutup hijau, kemudian putar tapak jelas.
    - **Adakah anda menekan butang pelepasan dos semasa memutar tapak jelas?** Tutup penutup hijau, supaya butang pelepasan dos ditutup, kemudian putarkan tapak jelas.
    - **Adakah anda berhenti memutar tapak jelas sebelum ia klik?** Putarkan tapak jelas secara berterusan sehingga ia klik (separuh pusingan).
    - **Adakah penutup hijau terbuka semasa anda menggantikan kartrij?** Tutup penutup hijau, kemudian gantikan kartrij.